

PENGGUNAAN KOMPUTER DI KALANGAN GURU-GURU PRASEKOLAH

1.0 PENGENALAN

Pendidikan prasekolah semakin dipandang berat oleh kerajaan dan masyarakat pendidikan komputer telah diperkenalkan di pendidikan prasekolah khususnya prasekolah swasta sejak beberapa tahun yang lalu.

Sejauhmanakah penguasaan pengetahuan komputer guru merupakan satu kayu pengukur tahap kejayaan matlamat kerajaan dalam pembentukan masyarakat berteknologi.

1.1 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengenalpasti sikap terhadap penggunaan komputer di kalangan guru-guru prasekolah.
- ii. Mengenalpasti tujuan komputer digunakan dalam pengurusan di prasekolah.
- iii. Mengenalpasti penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran di prasekolah.
- iv. Mengenalpasti masalah-masalah penggunaan komputer yang dihadapi oleh guru-guru prasekolah.
- v. Mengetahui hubungan di antara sikap terhadap penggunaan komputer dengan penggunaan komputer dalam pengurusan prasekolah.


1.2 HIPOTESIS KAJIAN

Kajian ini mempunyai satu hipotesis nul yang dibentuk untuk menjawab soalan kajian.

Hipotesisnya ialah:

Hipotesis Null: Tiada perhubungan antara Sikap Terhadap Penggunaan komputer dengan Penggunaan Komputer Dalam Pengurusan di Prasekolah

1.3 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN



1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Badan-badan kerajaan mahupun swasta yang menganjurkan kursus ICT kepada guru-guru prasekolah dapat mereka bentuk kursus yang bersesuaian kepada guru-guru prasekolah.

Seterusnya, diharapkan kajian ini dapat membolehkan pihak-pihak yang berkenaan menyediakan perisian komputer yang bersesuaian dengan keperluan dan kebolehan guru-guru prasekolah agar hasrat kerajaan mengaplikasikan teknologi maklumat sepenuhnya dalam sistem pendidikan dapat dicapai.

3.1 REKA BENTUK KAJIAN

Dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan kaedah tinjauan yang bersifat deskriptif yang cuba menerangkan sikap penggunaan komputer di kalangan guru-guru prasekolah, penggunaan komputer dalam pengurusan prasekolah; serta penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran.

3.2 SAMPEL KAJIAN

100 orang guru-guru prasekolah yang menghadiri Persidangan Pertama Prasekolah Peringkat Kebangsaan.

3.3 INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan instrumen yang dibentuk oleh Salmah Yunus (1994) dan diubahsuai oleh Chiew Wye Mei (1999).

Nilai Alpha yang diperolehi ialah 0.8890 setelah dua kajian rintis dijalankan. Nilai ini adalah pada tahap baik berdasarkan Index Sikap Brown (Brown 1966)

Soalan kaji selidik mengenai pengurusan prasekolah dan masalah penggunaan komputer diubahsuai dengan instrumen yang digunakan oleh Hj Rahim Mustafa, Ketua Unit Penyelidikan dan Pengembangan Pusat Sumber Pendidikan, Negeri.

Soal selidik ini mengandungi 4 bahagian:

Bahagian A : Latar Belakang Responden

Bahagian B: Sikap Responden

Bahagian C : Penggunaan Komputer Dalam Pengurusan

Bahagian D : Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran.

Bahagian B : Masalah-Masalah Penggunaan Komputer

3.4 PEMBOLEHUBAH KAJIAN

Kajian ini melibatkan dua jenis pembolehubah, iaitu pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Pembolehubah bebas terdiri daripada profil responden Manakala pembolehubah bersandar ialah sikap guru-guru prasekolah dan masalah-masalah penggunaan komputer guru-guru prasekolah, pembelajaran dan pengajaran menggunakan komputer serta pengurusan berpandukan komputer.

3.5 TATA CARA PENGANALISISAN DATA

Data-data yang akan diperolehi dalam kajian ini akan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis statistik yang terdapat dalam Statistical Package For Sosial Science (SPSS for MS Window Release 11.5).

Pada peringkat awal, statistik deskriptif digunakan bagi menghasilkan taburan kekerapan, peratus, mm dan sisihan piawai bagi latar belakang demografi dan persoalan kajian yang disediakan. Statistik deskriptif digunakan untuk menerangkan dan merumuskan tentang aspek sikap terhadap penggunaan komputer. penggunaan komputer dalam pengurusan; penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran serta masalah penggunaan komputer guru-guru prasekolah.

Pada peringkat kedua, analisis inferensi akan dijalankan.

4.0 HASIL KAJIAN

4.1 Analisis Sikap Guru Terhadap Penggunaan Komputer

Analisis dapatan untuk 12 soalan pernyataan yang terkandung dalam subskala sikap terhadap komputer menunjukkan bahawa pada keseluruhannya, sikap responden terhadap komputer adalah tahap positif yang tinggi iaitu mm keseluruhan ialah 4.2. Manakala kumpulan guru-guru prasekolah yang mempunyai pengalaman mengajar 6 hingga 10 tahun ialah golongan guru yang menunjukkan sikap yang paling positif berbanding dengan guru-guru prasekolah yang hanya mempunyai 1 hingga 5 tahun pengalaman dan kumpulan guru yang mempunyai lebih daripada 10 tahun pengalaman mengajar.

4.2 Aspek Penggunaan Komputer Dalam Pengurusan

Pada keseluruhannya, penggunaan komputer dalam pengurusan juga mencatatkan mii yang agak tinggi dalam 10 item yang diuji (mii keseluruhan = 3.9). Kajian mendapati responden paling kerap menggunakan komputer bagi tujuan menyediakan jadual peperiksaan dan ujian (86%), diikut dengan urusan menaip surat dan laporan, menyediakan jadual waktu kelas dan guru (84%), seterusnya ialah mengumpul dan menyimpan data pelajar (79%), responden yang menggunakan komputer bagi tujuan lain mengikut susunan kekerapan dan peratus dan tertinggi kepada terendah ialah menyediakan borang kutipan data dan maklumat pendidikan (78%) menyimpan soalan-soalan peperiksaan dan ujian serta menyimpan akaun sekolah masing-masing ialah 68%; mengumpul dan menyimpan data guru dan staf 67%); menyimpan maklumat projek-projek sekolah (58%), komputer paling kurang digunakan untuk tujuan menganalisis dan menyimpan keputusan peperiksaan dan ujian (57%).

4.3 Penggunaan Komputer Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran

Aspek penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran menunjukkan 73% daripada responden menggunakan komputer sebagai salah satu alat bantuan mengajar. Komputer paling banyak digunakan untuk tujuan latihan dan latihan iaitu soal jawab untuk pengukuhan. Perisian komputer yang digunakan

oleh majoriti prasekolah ialah pensian yang dibeli dan kedai 78%). 57% daripada responden mengatakan nisbah bilangan murid kepada satu komputer ialah 2 murid : 1 komputer. Menurut responden, kanak-kanak masih sangat berminat pada pelajaran yang melibatkan komputer walaupun mereka perlu berkongsi komputer dengan kawan dan menunggu giliran untuk 'bermain komputer.' Menurut persepsi responden, 88% mengatakan bahawa penggunaan komputer telah meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran mereka. Empat program yang paling banyak diketahui oleh responden mengikut susunan kekerapan tertinggi kepada terendah ialah Words 96%, Internet 62%, Excel 59% Dan Power Point 22%.

4.4 Masalah-Masalah Penggunaan Komputer

Hasil kajian ini mendapati 82% responden mengatakan masalah mereka dalam penggunaan komputer adalah kerana mereka hanya mengetahui beberapa program komputer sahaja. Seramai 63% responden menyatakan bilangan komputer di prasekolah tidak mencukupi, 61% menyatakan bahawa tidak cukup masa bagi membolehkan semua pelajar menggunakan komputer.,56% responden mengakui bahawa guru memerlukan masa yang lebth untuk merancang jika P&P melibatkan penggunaan komputer, 56% responden lagi menyatakan komputer di prasekolah mereka selalu digunakan oleh beberapa orang guru atau stafsahaja,oleh yang demikian masa mereka menggunakan komputer untuk tujuan pengurusan adalah terhad.

46% responden berpendapat bahawa komputer selalu rosak dan tiada siapa di prasekolah mi yang tahu membaikinya. 40% responden menyatakan bahawa tiada siapa boleh mereka rujuk apabila menghadapi masalah tentang operasi perisian, 25% daripada responden berpendapat bahawa kanak-kanak suicar dikawal semasa menggunakan komputer. 22% responden menyatakan bahawa komputer diletakkan di tempat yang kurang sesuai dan 16% responden berpendapat bahawa mereka berasa susah untuk menyuruh kanak-kanak menggunakan komputer.

4.5 Hubungan Antara Sikap Terbctap Penggunaan Komputer(STPK) Dengan Penggunaan Komputer Dalam Pengurusan.(PKDP)

		STPK	PKDP
STPK	Pearson Correlation	1	0.301**
	Sig. (2 -tail)		0.002
	N	100	100
PKDP	Pearson Correlation	0.301**	1
	Sig. (2 -tail)	0.002	
	N	100	100

** Correlation is significant at the 0.01 level.

Hipotesis Nul kajian 1

Tiada perhubungan antara Sikap Terhadap Penggunaan Komputer (STPK) dengan Penggunaan Komputer Dalam Pengurusan(PKDP)

Berdasarkan Jadual di atas, pekali korelasi memberikan nilai $r=0.30$. Nilai ini merupakan hubungan yang sederhana bagi pasangan pembolehubah STPK dan PKDP. Perhubungan wujud antara kedua-dua pembolehubah tersebut merupakan satu hubungan yang positif. Keputusan ini menunjukkan bahawa terdapat satu perkaitan yang signifikan di antara pembolehubah STPK dan PKDP. Maka, hipotesis nul kajian 1 ditolak.

5.0 IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN

5.1 Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia

- (a) Meningkatkan pengetahuan komputer guru-guru prasekolah melalui latihan atau kursus secara formal.
- (b) Kerajaan boleh memberikan insentif dalam bentuk pengecualian cukai. Contoh: Pengecualikan cukai dikenakan kepada guru-guru yang mengambil inisiatif untuk mengikuti kursus IT;memberi sokongan dan insentif kepada oragaaàsasi swasta yang tidak bermotifkan untung sekiranya mereka menganjurkan kursus atau latihan komputer kepada pendidik atau ibu bapa;Insentif yang dikenakan kepada rakyat Malaysia sekarang tentang pembelian komputer peribadi dan buku-buku IT ialah satu tindakan yang baik dan patut diteruskan.
- (c) 'Menggalakkan' korporat-korporat menjalankan tanggungjawab sosial mereka.
- (d) Kementerian Pendidikan boleh mendirikan Pusat iT Pendidikan Malaysia (PITPM) yang akan menumpukan perhatian pada pembangunan perisian.

5.2 Pihak Prasekolah

- a) Perbanyakkan kursus dalaman untuk meningkatkan pengetahuan komputer di kalangan guru yang lemah.
- b) Menambahkan bilangan komputer di sekolah. Sediakan ruangan yang sesuai dan selesa untuk memudahkan guru menggunakan komputer.
- c) Menggalakkan guru menggunakan komputer.
- d) Prasekolah boleh mengadakan sistem 'joint venture' dengan syarikat perisian komputer di mana hardware dan perisian akan dibekal dan kos ditanggung oleh semua pihak terlibat.
- e) Pihak pengurusan harus menekankan buthya sikap positif di kalangan guru-guru prasekolah terhadap perkembangan dan penggunaan teknologi maldumat dalam proses P&P.

5.3 Pihak Guru

Para guru tanpa mengira umur, latar belakang, pengalaman mengajar perlu mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran komputer.

- a) Gunakan sepenuh peluang yang ada, sama ada melalui kursus atau perbincangan dengan rakan sebaya, untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penggunaan computer.
- b) Guru-guru seharusnya menyumbangkan tenaga din dengan bersama-sama berusaha untuk menjayakan program komputer dalam pendidikan dan seterusnya menjayakan hasrat kerajaan mewuwan masyarakat yang berorientasikan teknologi maklumat.
- c) Guru-guru patut memperuntukkan masa untuk memilih pensian yang sesuai untuk kanak-kanak mereka

5.4 Pihak Masyarakat

- a) Persatuan Tadika Malaysia (PTM) dan perbadanan yang berkenaan boleh mengubahsuaikan program latihan perguruan supaya pengetahuan IT dislotkan dalam program tersebut supaya bakal guru-guru prasekolah dilengkapi dengan keperluan komputer yang mencukupi.
- b) Korporat-korporat IT yang berjaya boleh menganjurkan kursus komputer kepada guru prasekolah, menderma komputer kepada institusi pendidikan atau perpustakaan
- c) Korporat bukan IT boleh membiayai badan-badan bukan bermotif menganjurkan kursus komputer kepada guru-guru. Tindakan bukan sahaja menunaikan tanggungjawab sosial tetapi pada masa yang sama juga mengharumkan nama syarikat.
- d) Ibu bapa seharusnya bekerjasama dengan guru-guru prasekolah berkenaan dengan penggunaan IT supaya proses pendidikan dapat dijalankan dengan lancar.